



**Pusat Rehabilitasi di Perak**  
**Rehabilitation Centre in Perak**

**A) Komen Pengarah Eksekutif Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul**

**Razak:**

**Comment by SOCSO Tun Razak Rehabilitation Centre Executive**

**Director:**

PERKESO amat berbesar hati Belanjawan 2020 turut memperuntukkan rancangan keselamatan sosial negara dalam pembangunan negara untuk tahun hadapan, termasuk penubuhan Pusat Rehabilitasi baharu di Negeri Perak.

Penubuhan Pusat Rehabilitasi ini akan menjana banyak manfaat dari segi sosioekonomi dan pembangunan bagi kawasan sekitarnya. Pusat yang berteknologi tinggi ini akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan, pembangunan modal insan, kebajikan masyarakat, kerjasama dalam bidang penyelidikan dan juga tarikan pengunjung yang akan memberi manfaat keseluruhan kepada negeri Perak.

Justeru, PERKESO, melalui Pusat Rehabilitasi PERKESO Sdn. Bhd., akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam merealisasikan hasrat Kerajaan untuk melebarkan jaringan keselamatan sosial kepada rakyat di negara ini.

*SOCSO is honoured that the 2020 Budget takes into consideration the country's social security plans for the nation's development for next year. This include the establishment of a new Rehabilitation Centre in Perak.*

*The new Rehab Centre in Perak state will bring about many socioeconomic benefits to the surrounding areas. The high-tech centre will create many job opportunities, human capital development, community welfare, educational research collaborations and attract visitors which will benefit the state of Perak.*

*As such, SOCSO through Pusat Rehabilitasi PERKESO Sdn. Bhd., will take the necessary steps to accomplish and fulfil the Ministry and Nation's vision.*

## **B) Q&A**

1. Di mana lokasi Pusat Rehabilitasi di Perak?

*Where exactly is the location of the Rehab Centre in Perak?*

Tapak cadangan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Perak adalah di Ipoh, Perak.

*The proposed location of the SOCSO Rehab Centre in Perak is in Ipoh, Perak.*

2. Kos Pusat tersebut?

*What is the cost of the Centre?*

Membina kemudahan untuk rehabilitasi fizikal dan vokasional yang canggih melibatkan pelaburan modal yang besar. Anggaran bajet untuk membina kemudahan sedemikian adalah tidak kurang daripada **RM500 juta (bergantung kepada kelulusan bajet)**. Jumlah ini meliputi kos pembinaan bangunan, kemudahan rehabilitasi dan vokasional, mesin serta semua kelengkapan.

*Building a state-of-the art physical and vocational rehabilitation facility involves a huge capital investment. The projected budget for building such facility is no less than **RM500 million (depending on the approved budget)**. This amount covers the construction costs of the buildings, rehabilitation and vocational facilities, machines and all the fittings.*

3. Bila ia akan mula beroperasi?

*When will it be operational?*

Pusat ini akan beroperasi dalam masa 3 tahun akan datang.

*The centre will be operational within 3 years' time.*

4. Apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat di Pusat Rehabilitasi di Perak, apakah kapasiti pesakit dan berapa jumlah kakitangan di Pusat ini?

*What are the facilities, the capacity (number of patients), and manpower at the Centre?*

Pusat Rehabilitasi PERKESO di Perak ini akan dilengkapi dengan kemudahan yang bertaraf antarabangsa dan berfungsi sebagai Pusat Rehabilitasi Setempat komprehensif yang menyediakan perkhidmatan rehabilitasi fizikal dan latihan vokasional kepada pesakit untuk membolehkan mereka kembali ke alam pekerjaan.

Pusat ini juga akan berperanan sebagai **institusi penyelidikan untuk program pencegahan, Return to Work (RTW), dan integrasi dalam masyarakat** yang menyediakan perkhidmatan seperti:

- a) Pencegahan penyakit pekerjaan dan kemalangan perjalanan, serta
- b) Hospital untuk Penyakit Khidmat, Kecederaan Pekerjaan dan Trauma

Pusat ini akan dilengkapi dengan **700 katil** yang boleh memuatkan **700 pesakit** pada satu-satu masa dan akan menggajikan **400 pekerja tetap**.

*The Rehabilitation Centre will be fully equipped with facilities that are of international standards and serve as a comprehensive **One-Stop Rehabilitation Centre** that provides physical rehabilitation and vocational retraining for patients to return to the working community.*

*The centre will also serve as a **research institute for prevention, Return to Work, and societal reintegration** that provides services on:*

- a) Prevention of occupational disease and commuting accident, and*
- b) Hospital for Occupational Disease, Work Injury and Trauma*

*The centre will be equipped with 700 beds which can accommodate up to a full capacity of **700 patients** at one time and will employ **400 permanent employees**.*

5. Adakah semua kemudahan yang terdapat di Pusat Rehabilitasi di Melaka boleh didapati di Pusat Rehabilitasi di Perak, termasuk *Neuro-Robotics Rehabilitation and Cybernics Centre*?

*Will all facilities at the existing Rehab Centre in Melaka available at the Centre in Perak, including Neuro-Robotics Rehabilitation and Cybernics Centre?*

Ya, semua kemudahan yang sedia ada di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak termasuk *Neuro-Robotics Rehabilitation and Cybernics Centre* juga akan disediakan di Pusat Rehabilitasi di Perak.

*Yes, all the existing facilities in SOCSO Tun Razak Rehabilitation Centre including the Neuro-Robotics Rehabilitation and Cybernics Centre will also be available at the Perak centre.*

6. Adakah Pusat Rehabilitasi di Perak cuma dibuka kepada pelanggan atau pencarum PERKESO sahaja? Adakah ia akan dibuka kepada orang ramai?  
*Will the Centre in Perak cater to SOCSO clients only? Will it be open to the public?*

Pusat Rehabilitasi di Perak akan menawarkan perkhidmatan kepada pencarum PERKESO dan juga orang awam. Kami menawarkan perkhidmatan kepada semua individu tanpa mengira latar belakang sosioekonomi dan keadaan kesihatan mereka. Apa yang kita fokuskan ialah keupayaan dan kebolehfungsian dan bukannya ketidakupayaan mereka.

*The Rehab Centre in Perak will cater for both SOCSO clients and the public as well. We offer our services to everyone regardless of their socioeconomic background and medical conditions. What we focus on are their abilities and functional capacities and not their disabilities.*

7. Adakah Kerajaan Negeri Perak mempunyai pegangan/saham dalam Pusat Rehabilitasi ini? Jika ya, berapa peratus pegangan saham Kerajaan Negeri?  
*Does Perak state government has a share in the Rehab centre? If yes, how many percent?*

Pusat ini dimiliki sepenuhnya oleh PERKESO. Walau bagaimanapun, cadangan penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO di atas tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Perak dapat mewujudkan situasi yang akan memberikan faedah kepada kedua-dua belah pihak. Kerjasama sinergi boleh dibentuk dengan badan lain daripada kerajaan, sektor separa kerajaan dan sektor swasta untuk menjana pendapatan serta menjana faedah sosioekonomi kepada negara.

*The centre is fully owned by SOCSO. However, the proposed establishment of SOCSO Rehabilitation Centre on the land provided by Perak State Government creates a Win-Win situation for both parties. Synergistic partnerships can also be formed with other bodies from the government, semi-government and private sectors to generate income and socioeconomic benefits for the nation.*

**Dr. Hafez Hussain**

**Pengarah Eksekutif/*Executive Director***

**Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak/*SOCSO Tun Razak Rehabilitation Centre***